PSP KPPK
2021-2025

KEMENTERIAN PERUSAHAAN
PERLADANGAN DAN KOMODITI

PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN

KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI

2021 - 2025



MPOB
LGM
MTIB
MPB
LKTN

KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI (KPPK)

PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN 2021-2025

E-Book

© Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK)

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, gambar dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan apa juga cara sama ada elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi.

PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN 2021-2025
KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI
(PSP KPPK 2021-2025)

ISBN 978-967-19545-7-7

Diterbitkan oleh:
Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK)
No. 15, Aras 6-13,
Persiaran Perdana Presint 2,
62654, Putrajaya, MALAYSIA

ISI KANDUNGAN

	PERUTUSAN KETUA SETIAUSAHA	6
	PRAKATA KETUA PEGAWAI DIGITAL	7
	KATA ALUAN SETIAUSAHA BAHAGIAN (BPM)	8
	RINGKASAN EKSEKUTIF	10
BAB 1	LATAR BELAKANG	11
BAB 2	PERSEKITARAN BISNES SEMASA	19
BAB 3	PERSEKITARAN ICT SEMASA	26
BAB 4	PENCAPAIAN ICT TAHUN 2019 - 2020	33
BAB 5	HALA TUJU STRATEGIK ICT	39
BAB 6	STRATEGI DAN PROGRAM PENDIGITALAN	43
BAB 7	PERANCANGAN PELAKSANAAN	66
BAB 8	FAKTOR KRITIKAL KEJAYAAN	70
BAB 9	PENUTUP	74
BAB 10	PENGHARGAAN	76

PERUTUSAN **KETUA SETIAUSAHA**

Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia,

Syabas saya ucapkan kepada Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) kerana telah berjaya menghasilkan Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) KPPK untuk tempoh 2021 - 2025.

PSP ini merupakan dokumen penting dan bukti komitmen KPPK dalam menyokong aspirasi Kerajaan ke arah pendigitalan dan adaptasi teknologi baharu (*emerging technologies*). Pelan stretegik ini juga menyokong Dasar Agrikomoditi Negara 2021 – 2030 (DAKN2030) dalam memastikan Pelan Pendigitalan di Kementerian ini dapat dilaksanakan seiring dengan teras bisnes Kementerian. PSP ini akan dapat membantu dari segi kesiapsiagaan sektor agrikomoditi Malaysia supaya lebih berdaya saing pada peringkat antarabangsa dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan ekonomi negara.

Justeru saya amat yakin bahawa dokumen PSP ini dapat dijadikan sebagai pelan tindakan atau *blueprint* ke arah melonjakkan usaha transformasi pendigitalan merangkumi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan inisiatif-inisiatif ICT di KPPK dengan lebih terancang dan tersusun.

Harapan saya agar program-program pendigitalan yang dirancang untuk tempoh lima (5) tahun akan datang ini, melalui tiga (3) teras utama yang telah ditetapkan, dapat direalisasikan dan dilaksanakan dengan jayanya seterusnya dapat menyokong kepada pencapaian visi dan misi KPPK secara keseluruhannya.



Akhir kata, saya ingin merakamkan penghargaan dan syabas kepada Pasukan Pembangunan PSP KPPK yang diterajui oleh BPM KPPK, semua Bahagian dan Unit di KPPK serta semua warga KPPK yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung dalam membangunkan PSP KPPK bagi tahun 2021 – 2025.

Salam hormat,

DATUK RAVI MUTHAYAH
Ketua Setiausaha
Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi

PRAKATA **KETUA PEGAWAI DIGITAL**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menyumbangkan idea dan tenaga bagi menghasilkan Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) 2021 - 2025.

Pendigitalan merupakan *enabler* dalam meningkatkan peranan dan fungsi Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) dalam memberi perkhidmatan terbaik kepada *stakeholder* dan juga Sektor Agrikomoditi. Pemerkasaan ICT adalah amat penting dalam membantu meningkatkan penyampaian perkhidmatan Kerajaan yang berkesan dan cekap kepada rakyat. Oleh itu, adalah wajar prasarana ICT sentiasa tersedia dan terkini selaras dengan perkembangan teknologi semasa.

Saya yakin Pelan Strategik Pendigitalan yang dibangunkan ini telah mengambilkira perkembangan teknologi semasa sejajar dengan inisiatif Kerajaan Digital seperti Pengkomputeran Awan (*Cloud Computing*), Analitik Data Raya (Big Data Analytics), Data Terbuka (*Open Data*), Rangka Tindakan *Blueprint* Ekonomi Digital Malaysia (MyDigital) dan *Enterprise Architecture* (EA). Selain itu, kemajuan ICT juga perlu diadaptasi secara berkesan dalam mendepani ledakan era revolusi perindustrian 4.0. (IR4.0) di dalam pengurusan proses kerja, komunikasi dan penyampaian perkhidmatan. Peluasan pemerkasaan medium digital dapat memberikan impak yang lebih besar kepada kecekapan dan produktiviti Kementerian.



Oleh itu, saya amat berharap agar semua warga KPPK dapat memberikan komitmen dan kerjasama sepenuhnya sebagai satu pasukan untuk memastikan semua pelaksanaan perancangan di dalam PSP KPPK 2021 – 2025 ini dapat dilaksanakan dengan jayanya dan seterusnya menyokong transformasi pendigitalan perkhidmatan KPPK.

Sekian, terima kasih.

ABDUL HADI OMAR
Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan Strategik Dan Pengurusan)
Merangkap Ketua Pegawai Digital
Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi

KATA ALUAN
SETIAUSAHA BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT

Bismillahirrahmanirrahim;
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera;

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izinNya, Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) telah berjaya menyiapkan dokumen Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) KPPK bagi tahun 2021 – 2025 dengan jayanya.

Dokumen PSP KPPK 2021 – 2025 ini merupakan dokumen rujukan yang akan sentiasa dikemaskini dan disemak dalam tempoh lima tahun pelaksanaannya. Semua Inisiatif-inisiatif strategik dan juga program-program yang dirancang akan disemak dan ditambahbaik sejajar dengan persekitaran strategik dan keutamaan Kementerian dari masa ke semasa serta sejajar dengan perkembangan teknologi pendigitalan yang terkini.

Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menyumbang idea dan kepakaran bagi menyedia dan menghasilkan Dokumen PSP KPPK 2021 – 2025. Adalah diharapkan agar komitmen dan jalinan kerjasama padu daripada semua warga KPPK ini akan berterusan dalam melaksanakan inisiatif-inisiatif ICT di masa akan datang.

Adalah juga diharapkan agar warga KPPK dapat merealisasi dan memantapkan halatuju strategik ICT KPPK yang telah dimuktamadkan melalui pelan ini bagi menjayakan aspirasi Kerajaan ke arah perkhidmatan yang cekap dan inovatif dalam usaha Kerajaan untuk merakyatkan Perkhidmatan Digital.

Sekian, terima kasih.

MASRIE YANTY BINTI AHMAD
Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Maklumat
Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi



STRUKTUR **ORGANISASI**

KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI (KPPK)



RINGKASAN **EKSEKUTIF**

Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) 2021 – 2025 merupakan pelan tindakan atau *blueprint* ICT bagi tempoh 5 tahun yang menyokong Dasar Agrikomoditi Negara 2021 – 2030 (DAKN2030) dan Pelan Strategik Kementerian agar perancangan dan pembangunan ICT selari dengan pelaksanaan program yang dirancang oleh Kementerian.

Selaras dengan Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam 2021 – 2025 (PSPSA), Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12) dan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 yang lebih menumpukan kepada kemakmuran dan kesejahteraan rakyat, PSP KPPK 2021 – 2025 memfokuskan kepada inisiatif digital untuk mempertingkatkan prestasi dan kemampanan ICT Kementerian supaya menjadi pemangkin kecemerlangan penyampaian perkhidmatan.

Melalui dokumen PSP ini, KPPK telah menetapkan **tiga (3) Teras Strategik Pendigitalan** yang merangkumi sebanyak **enam (6) Strategi** dan **38 Program Pendigitalan** yang akan dilaksanakan dalam tempoh 2021 hingga 2025. Kejayaan pelaksanaan program-program pendigitalan ini diharap akan dapat meningkatkan penyampaian perkhidmatan KPPK kepada pelanggan, selain meningkatkan kualiti maklumat yang disampaikan kepada *stakeholders*.





01

LATAR BELAKANG

PENGENALAN

Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) ini dibangunkan untuk tempoh 2021 – 2025 dan merupakan pelan perancangan yang disemak semula daripada ISP 2019 – 2020 yang telah tamat tempoh. PSP 2021 – 2025 dibangunkan dengan mengubahsuai visi, misi, dan teras strategik ICT Kementerian mengikut perkembangan semasa.

KPPK berperanan sebagai jentera penggerak dalam membangunkan Sektor Perladangan dan Komoditi yang terdiri daripada Sawit, Getah, Kayu-kayan, Koko, Lada, Kenaf dan Biobahan Api. Sektor tersebut merupakan antara penyumbang utama kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan memberikan sumbangan yang signifikan kepada pertumbuhan ekonomi dan pendapatan eksport negara, serta membantu meningkatkan taraf sosioekonomi rakyat Malaysia terutamanya golongan pekebun kecil.

Peranan KPPK dalam meningkatkan sumbangan sektor komoditi kepada ekonomi negara memerlukan satu sistem penyampaian maklumat yang berkesan. KPPK sentiasa mempertingkatkan usaha memantapkan perancangan ICT bagi memastikan pelaksanaan segala tanggungjawab KPPK selaras dengan visi dan misi Kerajaan.

Sehubungan dengan itu, KPPK membangunkan PSP 2021 – 2025 sejajar dengan inisiatif untuk memenuhi keperluan ICT semasa dan akan datang. PSP KPPK dibangunkan dengan mengambil kira segala keperluan untuk memenuhi halatuju dan objektif KPPK serta untuk menyokong PSP agensi-agensi di bawah KPPK agar selari dengan perancangan pelaksanaan program dan aktiviti di KPPK.

OBJEKTIF

01 Menetapkan halatuju pendigitalan KPPK bagi tempoh lima (5) tahun iaitu 2021 – 2025.

02 Menyediakan satu pelan pelaksanaan pendigitalan yang menyeluruh, terancang dan sistematik bagi menyokong visi, misi dan objektif KPPK.

03 Mewujudkan satu persekitaran kerja yang bersepadu, cekap dan berkesan menerusi inisiatif pendigitalan yang terkini, stabil serta berinovasi.

04 Mewujudkan satu saluran pemantauan dan penilaian bagi memantapkan pengurusan khidmat sokongan Kementerian; dan


05 Menjadi sumber rujukan untuk mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan melalui pembudayaan digital.

METODOLOGI

PSP KPPK 2021 – 2025 dibangunkan secara dalaman (*in-house*) dengan mendapatkan khidmat nasihat daripada Unit Perundingan Perancangan Strategik ICT, Bahagian Perundingan ICT, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).

Metodologi pembangunan PSP adalah berdasarkan Panduan Perancangan Strategik ICT (PerSI) (senarai templet PerSI adalah seperti **Lampiran 1-1**) yang diguna pakai oleh MAMPU seperti **Rajah 1-1** bagi mengenalpasti keperluan bisnes agensi dan seterusnya menetapkan visi, misi dan teras strategik serta penghasilan inisiatif dan pelan tindakan ICT KPPK bagi tempoh lima (5) tahun. Aktiviti utama adalah seperti berikut:

a. Fasa 1 (Mobilasi): Penyediaan Dokumen Kelulusan Pembangunan PSP;
b. Fasa 2 (Analisis): Analisis Persekitaran Semasa Bisnes Dan ICT;
c. Fasa 3 (Strategi): Membangunkan Hala Tuju Strategik ICT;
d. Fasa 4 (Formulasi): Membangunkan Pelan Pelaksanaan ICT; dan
e. Fasa 5 (Dokumentasi): Penyediaan Dokumentasi PSP.



Rajah 1-1: Panduan Perancangan Strategik ICT (PerSI)

PEMBANGUNAN PSP

PEMBANGUNAN PSP KPPK INI MERANGKUMI SKOP KERJA BERIKUT:

a. Melaksanakan pengumpulan maklumat menerusi dokumen-dokumen strategik dan bahan rujukan seperti berikut:
   i. Pelan Strategik ICT KPPK Tahun 2019 – 2020;
   ii. Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam Tahun 2021 – 2025;
   iii. Dasar Agrikomoditi Negara 2021 – 2030 (DAKN2030); dan
   iv. Pelan Strategik KPPK 2021 – 2025.

b. Melaksanakan Analisis Keperluan Bisnes (*Business Need Analysis*) melalui:
   i. Kajian Inisiatif ICT melalui Strategi Bisnes KPPK;
   ii. Kajian Amalan Terbaik melalui Inisiatif ICT; dan
   iii. Melaksanakan Bengkel *Brainstorming* Inisiatif ICT.

c. Melaksanakan Analisis Keperluan ICT melalui:
   i. Penilaian ke atas Aplikasi dan Infrastruktur ICT semasa;
   ii. Penilaian Tadbir Urus ICT dan Keupayaan ICT semasa; dan
   iii. Kajian Soal Selidik Kepuasan terhadap Kemudahan dan Perkhidmatan ICT warga kerja dan pelanggan KPPK.

d. Melaksanakan Analisis Jurang Bisnes (*Business Gap Analysis*) bertujuan untuk mengenalpasti jurang (isu, cabaran dan harapan) dari aspek bisnes dan ICT, inisiatif dan program serta pelan tindakan ICT.

e. Melaksanakan Kajian Halatuju Strategik Pendigitalan melalui proses-proses berikut:
   i. Membangunkan Visi dan Misi Pendigitalan;
   ii. Menetapkan Teras Strategik Pendigitalan;
   iii. Menetapkan Strategi dan Program; dan
   iv. Melaksanakan Penjajaran Strategik Pendigitalan dengan Strategi Bisnes.

f. Menghasilkan Pelan Pelaksanaan pada fasa formulasi melalui proses-proses berikut:
   i. Pembentukan Pelan Tindakan dan Pemilik Program; dan
   ii. Anggaran Kos dan Keutamaan Program.

g. Menyediakan Draf Dokumen Pelan Strategik Pendigitalan KPPK 2021 – 2025.

STRUKTUR TADBIR URUS

Bagi memastikan keberkesanan serta kejayaan pelaksanaan projek ini, Pasukan Projek Pembangunan Pelan Strategik Pendigitalan diwujudkan seperti **Rajah 1-2**. Pengurus Projek akan mengemaskini status semasa perkembangan pelaksanaan projek tersebut kepada pihak pengurusan atasan KPPK melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT Kementerian (JPICT) sepanjang tempoh pembangunan projek.



Rajah 1-2: Struktur Pasukan Projek Pembangunan PSP KPPK 2021 – 2025

SETIAP PASUKAN PROJEK BERTANGGUNGJAWAB DENGAN PERANAN BERIKUT:

a. Penasihat Projek:

i. Meluluskan strategi pelaksanaan projek;
ii. Memantau perkembangan projek agar selari dengan jadual dan terma rujukan yang telah dipersetujui;
iii. Memperakui *key deliverables*;
iv. Membuat keputusan berkenaan permohonan pertukaran skop, belanjawan dan tempoh kerja; dan
v. Memberi sokongan bagi melancarkan pelaksanaan projek.

b. Pengarah Projek:

i. Memantau kemajuan pelaksanaan projek berdasarkan jadual pelaksanaan yang telah ditetapkan;
ii. Menyemak dan mengesahkan dokumen serahan projek; dan
iii. Memantau isu dan masalah pelaksanaan projek dan memberi cadangan penyelesaian.

STRUKTUR TADBIR URUS

c. Perunding MAMPU:

i. Memberi khidmat nasihat jika diperlukan oleh pasukan projek;
ii. Memantau kemajuan pelaksanaan projek berdasarkan jadual pelaksanaan yang telah ditetapkan;

d. Pengurus Projek:

i. Merancang serta menyediakan arah tuju dan strategi projek;
ii. Mengenalpasti aktiviti projek dan jadual pelaksanaan secara terperinci;
iii. Mengenalpasti isu dan masalah pelaksanaan projek dan mengemukakan cadangan penyelesaian;
iv. Membuat semakan pada semua serahan projek bagi menjamin kualiti serahan;
v. Memantau status pelaksanaan aktiviti pasukan projek;
vi. Menyelaras penyediaan dokumentasi projek;
vii. Menyediakan laporan status kajian dan melaporkan status pelaksanaan kepada Pengarah Projek;
viii. Melaporkan status pelaksanaan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal ICT (JTICT); dan
ix. Membentangkan Hala Tuju Strategik Pendigitalan, Pelan Pelaksanaan dan Dokumen PSP dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) untuk kelulusan;

d. Pasukan Projek:

i. Melaksanakan aktiviti projek mengikut teras yang telah ditetapkan;
ii. Memastikan aktiviti projek dilaksanakan mengikut jadual pelaksanaan yang telah ditetapkan;
iii. Menguruskan semua maklumat yang diperolehi semasa perbincangan dan bengkel;
iv. Mengenalpasti isu dan masalah pelaksanaan projek dan melaporkan kepada Pengurus Projek untuk cadangan penyelesaian;
v. Mengenalpasti keperluan program ICT yang berkaitan fungsi teras (*Core Business*);
vi. Mengenalpasti keperluan program ICT yang berkaitan tadbir urus, latihan, hebahan dan sebagainya; dan
vii. Melaporkan status kemajuan aktiviti kepada Pengurus Projek;

e. Urusetia Pengurusan Projek:

i. Melaksanakan kerja-kerja keurusetiaan;
ii. Mengurus semua maklumat dan dokumen perbincangan, bengkel dan mesyuarat yang berkaitan pembangunan PSP;
iii. Memantau status pelaksanaan aktiviti pasukan projek;
iv. Menyelaras dan menyediakan semua laporan projek dan dokumen PSP; dan
v. Mendokumentasikan semua serahan projek.

PELAN PEMBANGUNAN PSP

Dokumen PSP KPPK 2021 – 2025 mengambil tempoh satu (1) tahun untuk dibangunkan bermula pada Januari 2021 hingga Januari 2022. *Timeline* Pelaksanaan Projek Pembangunan PSP KPPK 2021 – 2025 adalah seperti di **Rajah 1-3**.



Rajah 1-3: *Timeline* Pelaksanaan Pembangunan PSP KPPK 2021 – 2025




02

PERSEKITARAN BISNES SEMASA

PENGENALAN

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) bertanggungjawab dalam prestasi sektor agrikomoditi dari pengeluaran, pemprosesan dan dari pembuatan sehingga ke pemasaran. Sektor ini telah berkembang dari pengeluaran dan pengeksportan bahan mentah kepada penghasilan produk separa proses, produk yang telah diproses dan produk akhir, seterusnya menjana lebih banyak produk bernilai tambah dalam memenuhi permintaan global yang semakin meningkat. Subsektor agrikomoditi yang merangkumi minyak sawit, getah, kayu, koko, lada dan kenaf menjadi antara pemacu ekonomi negara yang turut menyumbang kepada pendapatan eksport, mewujudkan peluang pekerjaan dalam masa yang sama menjana pendapatan terutamanya kepada pekebun kecil.

Enam agensi di bawah kementerian bergerak seiring dalam perkembangan sektor komoditi. Antaranya, Lembaga Minyak Sawit Malaysia, Lembaga Getah Malaysia, Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia, Lembaga Koko Malaysia, Lembaga Lada Malaysia dan Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara. Lima majlis turut memainkan peranan penting dalam mempromosikan sektor agrikomoditi negara di peringkat tempatan dan juga antarabangsa. Antaranya Majlis Minyak Sawit Malaysia, Majlis Getah Malaysia, Majlis Kayu Kayan Malaysia, Majlis Pensijilan Kayu Malaysia dan Majlis Pensijilan Minyak Sawit Malaysia.



Rajah 2-1: Sejarah dan Latar Belakang KPPK

VISI, MISI DAN OBJEKTIF KPPK

Dalam meningkatkan penyampaian perkhidmatan kepada para pelanggan dan *stakeholders*, KPPK bertanggungjawab ke atas Visi dan Misi Kementerian seperti **Rajah 2-2**



Rajah 2-2: Visi, Misi dan Objektif KPPK

PEMEGANG TARUH, PELANGGAN DAN RAKAN STRATEGIK

KPPK turut bekerjasama dengan pelbagai Kementerian, jabatan, agensi, badan berkanun dan pihak swasta dalam usaha melaksanakan program-program yang telah dirangka agar dapat memenuhi aspirasi pemegang taruh dan memberi faedah kepada pelanggan. Rangkaian sistem bisnes KPPK ditunjukkan seperti **Rajah 2-3**.



Rajah 2-3: Rangkaian Bisnes KPPK

PIAGAM PELANGGAN

PIAGAM PELANGGAN KPPK

Piagam Pelanggan KPPK mengutamakan perkhidmatan yang cemerlang dan berkualiti seperti berikut:

a. Penggubalan Dasar

Menggubal dasar dan strategi yang jelas mengenai industri komoditi perladangan berlandaskan kepada keperluan semasa dalam tempoh masa seperti berikut:

i. 12 bulan bagi Penggubalan Dasar dan Strategi Baru; dan
ii. Enam (6) bulan bagi Meminda Dasar dan Strategi Sedia Ada.

b. Penerbitan Data Tahunan Komoditi

Memuatnaik Data Perangkaan Komoditi dalam Laman Web KPPK dan Portal Data Terbuka yang di selenggara oleh MAMPU.

c. Sesi Konsultasi

Mengadakan Sesi Konsultasi dengan Kerajaan-Kerajaan Negeri, Pihak Industri dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO):

i. Peringkat Menteri: Satu (1) Sesi Dialog Konsultasi Setahun bagi setiap komoditi dengan Persatuan Industri Komoditi dan NGO; dan
ii. Peringkat Pegawai: Enam (6) Sesi Konsultasi Bersama Industri.

d. Misi Perdagangan

Menganjurkan Misi Galakan Pasaran dan Perdagangan / Lawatan Kerja bagi Memperkukuhkan Pasaran Sedia Ada dan Menerokai Pasaran Baru sekurang-kurangnya lima (5) kali setahun serta mengambil tindakan susulan yang sewajarnya.

e. Projek Pembangunan

Memastikan program pembangunan sektor perladangan dan komoditi dirancang, dilaksana dan dipantau sewajarnya termasuk mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian (JTPK) diadakan 12 kali setahun.

f. Pembayaran Bil

i. Memastikan 90% pembayaran bil yang lengkap diselesaikan dalam tempoh tujuh (7) hari; dan
ii. Sekiranya terdapat mana-mana pihak yang tidak menerima pembayaran dalam tempoh 14 hari, aduan yang diterima akan diselesaikan dalam tempoh 72 jam.

g. Aduan Pelanggan

Memastikan semua aduan pelanggan diberi:

i. Akuan penerimaan dalam masa satu (1) hari;
ii. Maklum balas awal dalam masa lima (5) hari; dan
iii. Diselesaikan dalam tempoh 15 hari bagi aduan yang tidak melibatkan perkara dasar.

h. Kajian Kepuasan Pelanggan (Dalaman dan Luaran)

Dilaksanakan dua (2) kali setahun

i. Hari Bertemu Pelanggan (Bersemuka atau Atas Talian)

Dilaksanakan dua (2) kali setahun

j. Laman Web

Memuat naik maklumat program terkini KPPK ke laman web KPPK dalam tempoh 24 jam.

k. Lesen Biobahan Api

i. Mengeluarkan Akuan Penerimaan bagi permohonan yang lengkap dalam tempoh satu (1) hari;
ii. Mengeluarkan lesen dalam tempoh tiga (3) hari selepas lesen ditandatangani oleh Pihak Berkuasa Pelesenan Biobahan Api; dan
iii. Memberi jawapan kepada permohonan yang tidak berjaya dalam tempoh tiga (3) hari selepas keputusan dibuat Pihak Berkuasa Pelesenan Biobahan Api.

DASAR AGRIKOMODITI NEGARA 2021 – 2030 (DAKN2030)

Terdapat lima (5) Teras Strategik yang dibangunkan di bawah Dasar Agrikomoditi Negara 2021 – 2030 (DAKN2030) seperti Rangka Kerja DAKN2030 dalam **Rajah 2-4.**



Rajah 2-4: Rangka Kerja DAKN2030

ISU, CABARAN DAN PELUANG ICT

Dalam membangunkan Pelan Strategik Pendigitalan, antara cabaran utama adalah untuk mengenal pasti isu, cabaran dan peluang ICT di Kementerian. Untuk mengenal pasti isu, cabaran dan peluang ICT dalam melaksanakan strategi bisnes Kementerian, Urusetia PSP telah menjalankan beberapa siri sesi perbincangan bersama *Focal Person* yang telah dilantik daripada semua Bahagian dan Unit di KPPK seperti **Rajah 2-1**.

SESI PERBINCANGAN	TARIKH	TUJUAN
Sesi Perbincangan Pembangunan PSP KPPK 2021 - 2025 Siri 1: Pengenalan PSP KPPK 2021 - 2025	30 Jun 2021	i. Pengenalan Pembangunan PSP KPPK 2021 - 2025 ii. Penerangan tugas dan tanggungjawab focal person Bahagian dan Unit iii. Penerangan templet analisis bisnes iaitu: a. A1: Kajian Inisiatif ICT Melalui Strategi Bisnes dan b. A2: Kajian Amalan Terbaik
Sesi Perbincangan Pembangunan PSP KPPK 2021 - 2025 Siri 2: *Brainstorming* Inisiatif ICT	14 dan 15 Oktober 2021	i. Perbincangan maklum balas *Focal Person* Bahagian dan Unit bagi templet analisis bisnes A1 & A2 ii. Mencadangkan nama projek atau sistem bagi setiap peluang ICT.

Rajah 2-1: Sesi Perbincangan Pembangunan PSP KPPK 2021 – 2025 Bersama *Focal Person*

Hasil daripada dua sesi perbincangan tersebut, peluang ICT dan amalan terbaik telah dikenal pasti bersama seperti **Lampiran 2-1**. Seterusnya BPM akan menganalisa kebolehlaksanaan peluang ICT dan amalan terbaik tersebut untuk menghasilkan program dan inisiatif ICT mengikut teras strategik yang bersesuaian.



03


PERSEKITARAN ICT SEMASA

PENGENALAN

Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM), Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi merupakan Bahagian di bawah Sektor Perancangan Strategik dan Pengurusan yang diterajui oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan Strategik dan Pengurusan – TKSU (P) merangkap Ketua Pegawai Digital (CDO) dan Ketua Pegawai Maklumat (CIO). BPM bertanggungjawab memberi dan menyediakan perkhidmatan yang berkaitan dengan ICT kepada semua Bahagian di KPPK dan semua Agensi dan Majlis di bawah KPPK.

Di samping menyediakan kemudahan ICT dan membangunkan sistem aplikasi yang cekap dan berkesan, Bahagian ini juga bertanggungjawab mempertingkatkan keupayaan dan penggunaan ICT dari masa ke semasa sebagai satu usaha menyokong kementerian dalam penyampaian perkhidmatan kepada pelanggannya.

BPM KPPK mempunyai seramai 14 kakitangan yang terdiri daripada 5 kakitangan daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan 9 kakitangan daripada Kumpulan Pelaksana seperti dipaparkan dalam **Rajah 3-1:** Carta Organisasi Terkini BPM KPPK.




Rajah 3-1: Carta Organisasi BPM KPPK

FUNGSI DAN PERANAN

BPM berperanan dalam melaksanakan fungsi-fungsi utama seperti berikut:

a. Membangun, melaksana dan memantau PSP bagi KPPK;
b. Menyedia, melaksana, mengemaskini dan memantau pelaksanaan Dasar Keselamatan ICT (DKICT);
c. Merancang, menyedia dan mengawal peruntukan belanjawan mengurus dan pembangunan ICT;
d. Merancang dan mengurus e-mel Kementerian;
e. Melaksanakan tugas keurusetiaan kepada Mesyuarat:
    i. Jawatankuasa Pemandu ICT;
    ii. Jawatankuasa Teknikal ICT;
    iii. Jawatankuasa Pengurusan Maklumat;
    iv. Jawatankuasa Teknikal Laman Web;
    v. Jawatankuasa Keselamatan dan Operasi ICT; dan
    vi. Jawatankuasa Pelaksana ISMS.
f. Membangun, mengemaskini dan menyelenggara Laman Web Kementerian;
g. Membangun, mengemaskini dan menyelenggara sistem aplikasi;
h. Mengurus dan menyelenggara peralatan teknologi maklumat;
i. Mengurus perkhidmatan komunikasi dan rangkaian;
j. Menguruskan Pusat Data Kementerian;
k. Mengurus perolehan keperluan teknologi maklumat;
l. Menyedia perkhidmatan bantuan sokongan teknikal dan khidmat nasihat (*helpdesk*);
m. Membangunkan produk multimedia;
n. Menguruskan latihan teknologi maklumat;
o. Menguruskan sidang video; dan
p. Menyelaras, mengurusetia dan sebagai pelaksana ISMS Kementerian

Berikut adalah skop fungsi dan peranan mengikut unit-unit di BPM seperti **Rajah 3-2**.




Rajah 3-2: Skop Fungsi dan Peranan mengikut Unit-Unit di BPM

TADBIR URUS ICT


Struktur tadbir urus ICT yang dikendalikan oleh BPM adalah seperti di **Rajah 3-3** dan **Rajah 3-4**:

A. STRUKTUR TADBIR URUS CIO/CDO KPPK



Rajah 3-3: Struktur Tadbir Urus CIO/CDO KPPK

B. STRUKTUR TADBIR URUS ICT KPPK



Rajah 3-4: Struktur Tadbir Urus ICT KPPK

C. JAWATANKUASA-JAWATANKUASA ICT KPPK

Terdapat enam (6) jawatankuasa utama ICT yang ditubuhkan bagi memantau dan memantapkan tadbir urus ICT di KPPK seperti berikut (maklumat terperinci seperti di **Lampiran 3-1**):

i. Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT)
ii. Jawatankuasa Teknikal ICT (JTICT)
iii. Jawatankuasa Data Terbuka
iv. Jawatankuasa Teknikal Laman Web
v. Jawatankuasa Keselamatan Maklumat dan Operasi ICT

PEMATUHAN & PIAWAIAN ICT

A. PEMATUHAN ICT

Pelaksanaan ICT di KPPK adalah berlandaskan pematuhan keselamatan yang telah ditetapkan melalui dokumen yang disenaraikan di **Rajah 3-5**.

BIL	NAMA DOKUMEN	FUNGSI	VERSI TERKINI
1	Dasar Keselamatan ICT (DKICT)	Dokumen rujukan dasar keselamatan ICT KPPK	2019 – Versi 3.0 (semasa)
2	Prosedur dan *Standard Operating Prosedure* (SOP) ISMS	Merupakan dokumen prosedur dan SOP dalam mengurus laman web, aplikasi dan infrastruktur ICT di Kementerian	2019– 2020 (semasa)
3	Pelan Pemulihan Bencana (DRP)	Sebagai *backup* aplikasi ICT di Kementerian sekiranya berlaku kegagalan perkhidmatan ICT disebabkan bencana atau kerosakan yang berlaku di premis Kementerian.	2015 – 2020 (semasa)

Rajah 3-5: Dasar, Garis Panduan dan Tatacara ICT KPPK

B. PIAWAIAN ICT

Pelaksanaan ICT di KPPK juga diuruskan melalui pelan dan piawaian yang telah ditetapkan melalui dokumen yang disenaraikan di **Rajah 3-6**.

BIL	NAMA PIAWAIAN ICT	FUNGSI	TAHUN PENGUATKUASAAN
1	ISMS ISO/IEC 27001:2013	Pensijilan pengurusan keselamatan maklumat ICT di Kementerian	2014 – 2020 (semasa)

Rajah 3-6: Pelan dan Piawaian ICT KPPK

PERKHIDMATAN ICT

Kemudahan infrastruktur ICT KPPK adalah mencukupi untuk menyokong perkhidmatan yang dibekalkan oleh KPPK. *Local Area Network* (LAN) atau talian dalaman KPPK disediakan dengan kapasiti 10Gbps dengan penggunaan *gigabyte connection Cat6* di Menara KPPK, manakala di Menara Tulus menggunakan *FE connection Cat5*. Bagi talian *Wide Area Network* (WAN), KPPK menggunakan perkhidmatan *Putrajaya Campus Network* (PCN) yang disediakan oleh MAMPU dengan kapasiti 10Gbps seperti yang digambarkan di **Lampiran 3-2**.

A. PERALATAN, PERANTI DAN PERISIAN ICT

Kemudahan peralatan, peranti dan perisian ICT dibekalkan kepada warga KPPK mengikut jumlah perjawatan dan keperluan pengguna. Maklumat peralatan, peranti dan perisian ICT semasa adalah seperti di **Lampiran 3-3**.

B. RANGKAIAN DAN KESELAMATAN ICT

Kemudahan keselamatan dan rangkaian di KPPK diberikan perhatian khusus bagi mencegah dan menangani sebarang kemungkinan pencerobohan. Senarai peralatan dan perisian yang diambil kira dalam menjamin keselamatan rangkaian di KPPK adalah seperti di **Lampiran 3-3**.

C. PUSAT DATA

Kemudahan Pusat Data KPPK diselenggara oleh BPM dengan bantuan syarikat pembekal yang menyelenggara peranti keselamatan fizikal bangunan. BPM bertanggungjawab ke atas peralatan ICT yang ditempatkan di Pusat Data KPPK seperti senarai di **Lampiran 3-3**.

D. SISTEM APLIKASI ICT

Kemudahan sistem aplikasi yang digunapakai di KPPK terdiri daripada tiga (3) kategori iaitu Sistem Teras, Sistem Sokongan dan Sistem Legasi. Terdapat satu (1) sistem aplikasi teras yang dibangunkan secara *outsource* manakala 14 sistem aplikasi sokongan dibangunkan menggunakan kepakaran dalaman BPM. Sistem-sistem aplikasi Kerajaan Elektronik yang dilaksanakan untuk kegunaan agensi-agensi Sektor Awam turut digunapakai di KPPK. Senarai terperinci sistem aplikasi yang digunapakai adalah seperti di **Lampiran 3-4**.

E. KEUPAYAAN DAN MODAL INSAN ICT

Kemudahan Keupayaan ICT memfokuskan kepada inisiatif dalam memberi latihan kepakaran kepada personel ICT dan juga kemahiran pengetahuan ICT kepada warga dan pelanggan KPPK. Sepanjang tempoh Pelan Strategik ICT yang lalu (2019 – 2020), pelbagai latihan telah diadakan seperti di **Lampiran 3-5**.



Rajah 3-7: Perkhidmatan ICT di KPPK



04


PENCAPAIAN ICT TAHUN 2019-2020

PENCAPAIAN PELAN STRATEGIK ICT (ISP) KPPK 2019 - 2020

Berdasarkan perancangan yang telah dibuat di dalam Pelan Strategik ICT (ISP) KPPK tahun 2019 – 2020, sebanyak 29 program telah dirancang di bawah empat (4) Teras Strategik ICT. Namun begitu, 5 program telah dibatalkan kerana tiada keperluan daripada pemilik projek dan 4 program ditangguhkan kerana kekangan peruntukan. 4 program yang tertangguh ini akan dimasukkan sebagai program dalam PSP KPPK 2021 – 2025. Senarai program selesai dan ditangguhkan/dibatalkan dalam ISP 2019 – 2020 adalah seperti di **Lampiran 4-1**. Berikut adalah status dan peratus pencapaian ISP 2019 – 2020 seperti dalam **Rajah 4-1** dan **Rajah 4-2.**

TERAS STRATEGIK	BILANGAN PROGRAM	PENCAPAIAN (%)
TERAS 1 (INFRA) Pemantapan Infrastruktur dan Keselamatan ICT	5	60%
TERAS 2 (APLIKASI) Pemantapan Dan Pengukuhan Aplikasi Yang Bersepadu Dan Perkhidmatan Digital	16	82%
TERAS 3 (KEUPAYAAN) Peningkatan Kemahiran Pengetahuan ke Arah Pemantapan Pembudayaan ICT Kepada Warga dan Pelanggan	3	100%
TERAS 4 (TADBIR URUS) Pemantapan Dan Pengukuhan Dasar Tadbir Urus ICT	5	100%
JUMLAH	**29**	**83%**

Rajah 4-1: Status Pencapaian Pelaksanaan ISP 2019 - 2020



Rajah 4-2: Peratus Pencapaian Pelaksanaan ISP 2019 - 2020


KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN PERKHIDMATAN ICT TAHUN 2020

Objektif Kajian Kepuasan Pelanggan Perkhidmatan ICT Tahun 2020 dilaksanakan ialah untuk mengetahui tahap kepuasan warga terhadap kemudahan dan perkhidmatan ICT yang disediakan di KPPK, bagi membantu BPM menambahbaik perkhidmatan ICT pada masa akan datang. Kajian ini telah dijalankan secara atas talian bermula pada 7 September 2020 dan berakhir pada 18 September 2020. Seramai 121 (42%) responden daripada 285 warga KPPK telah memberikan maklum balas penuh terhadap semua soalan yang diberikan. Kajian yang dijalankan dibahagikan kepada lima (5) komponen iaitu:

a. Tahap kepuasan kemudahan ICT;
b. Tahap kepuasan perkhidmatan ICT dan keperluan latihan;
c. Tahap jaminan keselamatan ICT;
d. Tahap kepuasan pembudayaan dan pengurusan perubahan; dan
e. Komen dan cadangan penambahbaikan.


A. TAHAP KEPUASAN KEMUDAHAN ICT

Rajah 4-3 menunjukkan tahap kepuasan terhadap kemudahan peralatan ICT yang dibekalkan. Sebanyak 96% responden berpuas hati dengan pengagihan peralatan ICT yang dibekalkan oleh BPM.



Rajah 4-3: Tahap Kepuasan Pengagihan Peralatan ICT


Rajah 4-4 menunjukkan tahap kepuasan pengguna terhadap kemudahan aplikasi dan komunikasi yang disediakan. Sebanyak 98% responden berpuas hati terhadap kemudahan aplikasi dan komunikasi yang disediakan.



Rajah 4-4: Tahap Kepuasan Kemudahan Komunikasi dan Sistem Aplikasi

B. TAHAP KEPUASAN PERKHIDMATAN ICT DAN KEPERLUAN LATIHAN


Rajah 4-5 menunjukkan tahap kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan ICT dan keperluan terhadap latihan. Sebanyak 99% responden berpuas hati dengan perkhidmatan ICT dan keperluan latihan yang disediakan.



Rajah 4-5: Tahap Kepuasan Terhadap Perkhidmatan ICT dan Keperluan Latihan

C. TAHAP JAMINAN KESELAMATAN ICT


Rajah 4-6 menunjukkan tahap kepuasan terhadap jaminan keselamatan ICT yang disediakan. Sebanyak 99% responden bersetuju dengan tahap keselamatan yang disediakan, manakala 1% tidak bersetuju.



Rajah 4-6: Tahap Jaminan Keselamatan ICT

D. TAHAP KEPUASAN PEMBUDAYAAN DAN PENGURUSAN PERUBAHAN


Rajah 4-7 menunjukkan tahap kepuasan terhadap pembudayaan ICT dan juga pengurusan perubahan. Sebanyak 98% responden bersetuju dengan program-program pembudayaan ICT dan program pengurusan perubahan yang dilaksanakan di KPPK.



Rajah 4-7: Tahap Kepuasan Pembudayaan ICT Dan Pengurusan Perubahan

E. KOMEN DAN CADANGAN PENAMBAHBAIKAN


Berdasarkan hasil soal selidik yang telah dijalankan, terdapat beberapa cadangan penambahbaikan kemudahan ICT yang dibekalkan oleh BPM dan juga pembudayaan ICT serta program pengurusan perubahan yang telah dijalankan. Berikut adalah pecahan komen dan cadangan penambahbaikan adalah seperti **Rajah 4-8**.



Rajah 4-8: Pecahan Komen Dan Cadangan Penambahbaikan

F. RUMUSAN KAJIAN

Rajah 4-9 menunjukkan rumusan terhadap kajian soal selidik yang telah dijalankan. Secara keseluruhannya sebanyak 97% responden berpuas hati terhadap kemudahan dan perkhidmatan ICT yang dibekalkan dan memenuhi keperluan warga KPPK. Cadangan dan keperluan warga KPPK akan diambil kira dalam Perancangan Pelan Strategik Pendigitalan KPPK 2021 – 2025.



Rajah 4-9: Rumusan Kajian Kepuasan Perkhidmatan ICT Tahun 2020

05

HALA TUJU STRATEGIK ICT

PENGENALAN

Bab ini akan menerangkan rangka kerja strategik pendigitalan yang terdiri daripada penyataan Visi dan Misi, Teras Strategik, Strategi, Program dan Penjajaran Teras Strategik dengan Teras Strategik Bisnes. Halatuju strategik pendigitalan adalah berpandukan kepada Rangka Kerja Pendigitalan KPPK seperti dalam **Rajah 5-1**.



Rajah 5-1: Rangka Kerja Pendigitalan KPPK

VISI DAN MISI PENDIGITALAN

Halatuju pendigitalan yang strategik perlu sejajar dengan visi, misi, dan hala tuju strategik bisnes KPPK. Visi dan Misi Pendigitalan KPPK adalah seperti dalam **Rajah 5-2.**



Rajah 5-2: Visi dan Misi Pendigitalan KPPK

TERAS STRATEGIK PENDIGITALAN

KPPK telah menetapkan tiga (3) teras strategik pendigitalan untuk memastikan hala tuju pendigitalan dapat dilaksanakan selaras dengan Misi dan Visi Pendigitalan KPPK. Teras yang dihasilkan adalah berdasarkan gabungan teras utama dalam skop pembangunan dan pelaksanaan pendigitalan iaitu Sistem Aplikasi, Infrastruktur serta Tadbir Urus dan Modal Insan. Tiga (3) Teras Strategik Pendigitalan berserta objektif seperti di **Rajah 5-3**.



Rajah 5-3: Teras Strategik Pendigitalan KPPK 2021 – 2025 serta Objektif Setiap Teras

PENJAJARAN DENGAN DAKN2030


Pelan Strategik Pendigitalan KPPK 2021 – 2025 dijajarkan dengan Dasar Agrikomoditi Negara 2021 - 2030 (DAKN2030) bagi memastikan pelan pendigitalan yang dibangunkan adalah selari dengan keperluan visi, misi dan hala tuju strategik bisnes KPPK.



Rajah 5-4: Penjajaran Teras PSP KPPK 2021 – 2025 dengan Teras DAKN2030

PENJAJARAN DENGAN PSPSA 2021 - 2025

Pelan Strategik Pendigitalan KPPK 2021 – 2025 juga dijajarkan dengan Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam (PSPSA) 2021 - 2025 bagi memastikan pelan pendigitalan yang dibangunkan adalah selari dengan keperluan visi, misi dan hala tuju strategik Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam.



Rajah 5-5: Penjajaran Teras PSP KPPK 2021 – 2025 dengan Teras PSPSA 2021 – 2025




06

STRATEGIK DAN PROGRAM PENDIGITALAN

STRATEGI DAN PROGRAM PENDIGITALAN

Berdasarkan kepada tiga (3) Teras Strategik Pendigitalan yang telah dibentuk, sebanyak enam (6) strategi dan 38 program pendigitalan telah dikenal pasti seperti yang digambarkan dalam **Rajah 6-1**. Strategi ini adalah selari dengan perancangan pelaksanaan pendigitalan bagi mengatasi isu dan cabaran bisnes semasa dan memacu ke arah kecemerlangan sistem penyampaian perkhidmatan KPPK berteraskan pendigitalan.



VISI

Peneraju Pendigitalan Sektor Agrikomoditi

MISI

Memperkasa dan Membudayakan Pendigitalan Maklumat Komoditi ke Arah Digitalisasi Sektor Agrikomoditi

TERAS 1

Pemantapan Dan Pengukuhan Perkhidmatan Digital Bersepadu

STRATEGI 1
Pemerkasaan Perkhidmatan Teras Bersepadu dan Data Raya

STRATEGI 2
Pemerkasaan Perkhidmatan Sokongan Bersepadu

17 Program

TERAS 2

Infrastruktur Pendigitalan Yang Mampan

STRATEGI 1
